

**Jangan Anggap Sistem Pilihan Raya Usang, Kata Dr Chandra Bernama  
Jun 28, 2011**

PUTRAJAYA, 28 Julai (Bernama) -- Jangan menganggap sistem pilihan raya di negara ini sebagai sistem yang paling buruk, sudah usang dan tidak boleh digunapakaN lagi kerana ia merupakan sikap yang merugikan masyarakat, kata Pengerusi Yayasan 1Malaysia Dr Chandra Muzaffar.

"Begitu juga dengan semua sistem pilihan raya di dunia, ada kekurangannya, tetapi jika dilihat kepada sistem pilihan raya negara, buat satu penilaian yang adil, seimbang dan objektif.

"Kita akan dapat membuat kesimpulan, pada keseluruhannya sistem pilihan raya kita berfungsi dan berjaya menegakkan prinsip demokrasi. Ia berjaya kerana sistem itu benar-benar mencerminkan hasrat rakyat. Itulah kayu pengukurnya," katanya kepada Bernama selepas menghadiri majlis dialog Meja Bulat Online 1Malaysia di sini, Rabu.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai gesaan kumpulan Bersih yang mahukan reformasi dalam sistem pilihan raya di negara ini termasuk mengatasi pengundi hantu yang didakwa wujud dalam senarai daftar pemilih.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak sebelum ini telah mengumumkan pemberian peruntukan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk melaksanakan sistem biometrik dalam pilihan raya umum akan datang bagi menjamin pilihan raya yang adil tanpa timbul lagi isu pengundi hantu sebagaimana didakwa oleh pihak pembangkang.

Dr Chandra berkata mungkin sebahagian daripada peserta dan pemimpin Bersih benar-benar mahukan reformasi dalam sistem pilihan raya, tetapi mereka tidak seharusnya menganggap ia sebagai sistem yang sudah usang.

Katanya jika dikaji keputusan pilihan raya sejak tahun 1959, jelas bahawa keputusan-keputusan pilihan raya umum sebelum ini, mencerminkan hasrat rakyat dan keadaan sebenar masyarakat.

"Sebagai bukti, pada pilihan raya umum 1959, kita tahu ada sedikit kegelisahan di kalangan rakyat, terdapat dua kumpulan - Melayu dan bukan Melayu, dan itulah sebabnya Perikatan pada masa itu, iaitu gabungan sebelum Barisan Nasional (BN), kalah dalam dua negeri, Kelantan dan Terengganu.

"Pada 1964 pula, prestasi Perikatan bagus kerana rakyat berhadapan dengan soal konfrontasi dengan Indonesia, bermakna rakyat bersatu padu menyokong kerajaan pada masa itu.

"Begitu juga pada pilihan raya umum 2004, prestasi BN bagus kerana Perdana Menteri baru dan ada harapan terhadap kepimpinan PM baru, manakala pada 2008 merosot. Apa sebabnya, kerana ada kegelisahan di kalangan rakyat," katanya.

Mengenai sistem biometrik, Dr Chandra berkata perkara tersebut harus dikaji secara mendalam sama ada ia adalah sistem yang paling baik dan perbincangan harus diadakan dengan pihak pembangkang jika mereka tidak bersetuju.

"Jika hendak memperkenalkan sistem biometrik, pada hemat saya, kita harus mencapai muafakat di kalangan semua pihak.

"Kita tidak mahu satu keadaan di mana pembangkang menolak sistem biometrik, dan oleh kerana mereka tidak bersetuju, mereka memulaukan pilihan raya. Itu tidak akan menguntungkan mana-mana pihak. Kita mahu semua pihak bersetuju dengan idea baru ini sekiranya ia dilaksanakan," katanya.

Mengulas tindakan pembangkang yang terus mempertikaikan penggunaannya, Dr Chandra berkata mereka kuat berpegang kepada idea dakwat tetapi idea tersebut dari segi pelaksanaannya di negara tertentu seperti India dan Indonesia juga mempunyai kelemahannya.

"Ia harus dibincangkan secara terbuka. Apa yang saya maksudkan apa kelemahan yang ada pada sistem dakwat kerana ada pihak tertentu di India, mereka menggunakan dakwat itu, mungkin menipu atau menggunakan cara tertentu, membeli dakwat itu dan menggunakannya di kalangan pengundi tertentu," katanya.

-- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 1995-2011 Star Publications (Malaysia) Bhd (Co No 10894-D).  
Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=604581>